

10 DEC 1998

RAFIDAH-PENGURUSAN

TINDAKAN TEPAT, PANTAS PERLU SEMASA KEGAWATAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Pengurusan negara semasa kegawatan ekonomi memerlukan tindakan yang tepat, pantas dan berkesan kerana keadaan masa yang mendesak, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Berucap pada majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1998 di sini, beliau berkata bahawa dalam keadaan begini, sektor awam perlu fleksibel bagi membantu sektor swasta mengatasi cabaran-cabaran pasaran serta memperkukuhkan ketahanannya.

Rafidah mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir di majlis tersebut, yang diadakan bersempena dengan Simposium Antarabangsa Kerajaan Elektronik.

Beliau berkata sektor awam perlu mengesan dengan rapi perjalanan ekonomi negara di semua peringkat supaya pengubahsuaian segera kepada dasar, peraturan dan amalan dapat dilakukan.

Katanya, ketika krisis ekonomi ini, sektor awam diuji keberkesanan dan kemampuannya manakala sektor swasta pula akan menilai keupayaan sektor awam dalam mendorong pemulihan ekonomi.

"Sektor awam juga menyumbang secara langsung kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di antara 8.69 peratus dan 9.5 peratus bagi 1995 hingga 1998," katanya.

Masalah ekonomi kini menjadikan tanggungjawab sektor awam semakin mencabar sehingga memerlukan pendekatan yang baru dan inovatif bagi mendorong pemulihan ekonomi, katanya.

Beliau berkata langkah-langkah pemulihan yang digariskan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara memerlukan susulan dan tindakan segera dan berkesan tanpa dibendung kareneh birokrasi oleh sektor awam.

Rafidah berkata bahawa kegawatan memerlukan semangat Persyarikatan Malaysia yang tinggi, dengan sektor awam memastikan suasana yang menjurus ke arah pengurangan kos, peningkatan kecekapan dan daya saing sektor swasta.

Katanya, infrastruktur perkhidmatan yang diterajui sektor perkhidmatan awam perlu menawarkan satu kelebihan yang akan menjamin pelabur-pelabur di negara ini mempunyai daya saing yang tinggi.

"Khidmat sokongan oleh kerajaan merupakan pelengkap penting kepada infrastruktur fizikal yang disediakan dan akan menyumbang secara langsung kepada kejayaan pelabur-pelabur yang telah melabur di negara ini," tambahnya. -- BERNAMA

AD MFJ